

## Kaedah Pemilihan Media Pengajaran Komponen Sastera (KOMSAS) oleh Guru Cemerlang Bahasa Melayu

Ling Tian Wong & Mas Nida Md. Khambari\*

Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM, Serdang, Selangor

### ABSTRAK

Pemilihan media pengajaran merupakan satu elemen atau langkah wajib yang berperanan penting dalam reka bentuk pengajaran. Media pengajaran yang dipilih akan menentukan keberkesanannya dan impak proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneroka kaedah pemilihan media pengajaran komponen sastera (KOMSAS) oleh guru cemerlang Bahasa Melayu. Kaedah pemilihan akan diteroka dari aspek jenis media pengajaran dan faktor pemilihan. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan mengumpul data melalui tiga sumber iaitu temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Dua orang guru cemerlang Bahasa Melayu yang mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu lebih daripada 30 tahun telah dipilih sebagai peserta kajian ini. Lapan sesi temu bual dijalankan dalam bentuk separa berstruktur. Data temu bual disokong dengan pemerhatian terhadap proses pengajaran di dalam kelas, jenis media pengajaran yang digunakan oleh guru serta hasil kerja pelajar. Dapatkan menunjukkan bahawa guru cemerlang memilih dan mengintegrasikan pelbagai jenis media iaitu bahan cetak, manusia, aktiviti, dan bahan grafik dalam pengajaran KOMSAS. Kedua-dua guru cemerlang tersebut telah mengambil kira faktor ketersediaan, tahap pengetahuan pelajar, kemahiran guru, dan objektif pembelajaran sebelum memilih media pengajaran.

**Kata Kunci:** Media pengajaran, kaedah pemilihan media pengajaran, reka bentuk pengajaran, pengajaran komponen sastera (KOMSAS), guru cemerlang Bahasa Melayu

### ABSTRACT

Instructional media selection is one of the compulsory elements or steps in the instructional design. The selection of instructional media will determine the effectiveness and impact of the teaching process. Therefore, this study is aimed to explore the instructional media selection method applied by the appointed excellent teachers for the teaching Malay literature component (KOMSAS). The methods of selection were explored from the aspects of types and factors of instructional media selection. This research is qualitative in nature and data were collected in the forms of interview transcripts, observational field notes and document analysis. Two Malay Language excellent teachers with more than 30 years of teaching experience were selected as the participants in this study. Eight semi-structured interview sessions were conducted until a saturation point was achieved. The interview data were supported with teaching observations, the types of media used by the teachers, and students' assignments. The emerging findings showed that the excellent teachers use and integrate myriad media namely printed materials, people, activities, and graphic s in the teaching of KOMSAS. Both teachers take into account the students' readiness and level of knowledge, teachers' own skills, and the learning objectives, before an instructional media is selected.

**Keywords:** Instructional media, instructional media selection method, instructional design, Teaching of Malay Literature (KOMSAS), Malay Language excellent teacher

### PENGENALAN

Ditinjau dari segi sejarah, media dan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran telah mempengaruhi dunia pendidikan. Smaldino, Lowther, Russell and Mims (2014) telah menyatakan bahawa media pengajaran telah mengalami pertumbuhan yang besar dari 1900-an sehingga kini. Menurut mereka lagi, peranan pendidik dan pelajar telah berubah atas pengaruh media dan teknologi di dalam bilik darjah. Segala sumber ilmu tidak lagi daripada guru dan buku teks. Pendidik menjadi pengarah proses mengakses ilmu dan fasilitator dalam pembelajaran berpusatkan pelajar.

\* Corresponding author: [khamasnida@upm.edu.my](mailto:khamasnida@upm.edu.my)  
eISSN: 2462-2079 © Universiti Putra Malaysia Press

Kecanggihan media pengajaran telah mendatangkan banyak perubahan dalam sistem pendidikan seluruh dunia. Kaedah pengajaran dan pembelajaran konvensional telah digantikan dengan kaedah berasaskan media dan teknologi. Kepelbagaiannya media pengajaran telah menambah pilihan kepada seseorang pendidik untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Proses pemilihan media merupakan salah satu langkah penting dalam merangka strategi pengajaran. Menurut Smaldino et al (2014) serta Dick, Carey, dan Carey (2009), kesesuaian media pengajaran yang dipilih pendidik dapat mempengaruhi keberkesanannya proses pengajaran dan pembelajaran.

#### *Jenis-jenis Media Pengajaran*

Media pengajaran ditakrifkan sebagai saluran komunikasi membawa maklumat berunsur pendidikan antara sumber dengan penerima (Smaldino, et al., 2014). Tujuan media adalah untuk memudahkan komunikasi dan melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran. Media pengajaran telah melalui proses inovasi akibat perkembangan teknologi dari semasa ke semasa. Jenis-jenis media pengajaran telah diperluas dan diperkaya dari segi fungsi, penggunaan, dan reka bentuknya. Media pengajaran telah dikembangkan dari hanya dimensi kepada empat dimensi yang lebih nyata seperti *augmented reality* dan *hologram*.

Gardiner (2002) telah mengkategorikan media pengajaran kepada lima generasi berdasarkan ciri, sifat, dan impak yang berlainan. Generasi pertama merujuk kepada memori dan ucapan yang hanya dilakukan oleh manusia. Generasi kedua merujuk kepada bahan cetak dan filem, manakala generasi ketiga merujuk kepada telefon dan televisyen yang merupakan hasil asimilasi media generasi lepas. Generasi keempat pula merujuk kepada multimedia dan penggunaan internet sebagai media pengajaran dalam proses pembelajaran. Generasi kelima mengintegrasikan kesemua media generasi lepas dan kemudahan internet ialah telefon pintar yang pelbagai fungsi dan sistem web yang tanpa sempadan.

Smaldino et al. (2014) menyatakan bahawa media pengajaran secara amnya boleh terbahagi kepada enam jenis iaitu teks, audio, visual, video animasi, model manipulatif atau objek, dan orang (guru, pelajar, dan orang berkaitan). Pendidik boleh mengintegrasikan pelbagai media dalam sesi pengajaran bagi mencapai objektif pembelajaran yang ditentukan kerana ia dapat meningkatkan pemahaman pelajar terhadap isi kandungan yang disampaikan.

#### *Peranan Media Pengajaran dalam Proses Pembelajaran dan Pengajaran*

Media berperanan signifikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Perkembangan dalam bidang media pengajaran telah meningkatkan fungsi dan kepentingan media dalam pengajaran dan pembelajaran. Smaldino et al. (2014) menyatakan bahawa media pengajaran yang asalnya dirujuk sebagai ‘alat bantu audio-visual’ berfungsi sebagai alat bantu mengajar untuk guru sahaja. Penggunaan media pengajaran membolehkan guru untuk menghabiskan lebih banyak masa untuk mengenal pasti serta menyelesaikan masalah pelajar, membimbing pelajar secara individu, dan menjalankan pengajaran dalam kumpulan fokus yang lebih kecil (Smaldino et al., 2014).

Newby et al. (2011) menyatakan bahawa peranan utama media pengajaran adalah untuk memudahkan pembelajaran pelajar dengan menyediakan persekitaran yang kaya dengan rangsangan. Bukan itu sahaja, media pengajaran juga berperanan penting dalam proses penilaian yang dapat menilai tahap pemahaman dan persepsi pelajar melalui pelbagai media.

Terdapat sembilan fungsi utama penggunaan dan pengintegrasian media pengajaran dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (Florida State University, 2014). Antara sembilan fungsi yang dimaksudkan ialah menarik perhatian, mengimbang kembali pengetahuan sedia ada, menunjukkan objektif pembelajaran, membentangkan kandungan baharu, menyokong pembelajaran melalui bukti serta bahan visual, menggalakkan penglibatan pelajar, memberikan maklum balas, meningkatkan pengingatan serta pemindahan ilmu, dan menguji pencapaian. Media pengajaran telah mewujudkan pengalaman belajar yang lebih konkret kepada pelajar di samping memudahkan proses penjelasan guru terhadap pelajar.

Media pengajaran telah ditingkatkan kualiti dan fungsinya dari semasa ke semasa mengikut perkembangan teknologi semasa dan permintaan pengguna. Namun begitu, fungsi utama media pengajaran masih tidak pernah berubah iaitu untuk meningkatkan keberkesanannya dan kelancaran proses pengajaran atau penyampaian maklumat yang berunsur pendidikan daripada pereka kepada penerima.

### *Faktor Pemilihan Media Pengajaran yang Sesuai*

Pemilihan media merupakan satu proses sistematik dari umum ke berdasarkan faktor atau kriteria tertentu (Romiszowski, 1988). Proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih efektif sekiranya pemilihan media pengajaran yang sesuai dan tepat. Untuk memilih media pengajaran, beberapa kaedah dan faktor perlu dipertimbangkan pereka pengajaran.

Menurut Kemp, Morrison dan Ross (1994), terdapat tiga kriteria untuk memilih media pengajaran iaitu pemilihan berdasarkan apa-apa yang sedia ada, pemilihan atas keselesaan mengguna atau mesra pengguna, dan pemilihan berorientasikan objektif berserta garis panduan. Menurut Abimbade (1997), media pengajaran boleh dipilih berdasarkan enam pertimbangan. Antaranya termasuklah tugas yang perlu dilengkapkan, sifat objektif yang perlu dicapai, tahap praktikal media, gaya pembelajaran pelajar (latar belakang, tahap, dan pengetahuan sedia ada pelajar), ketersediaan media (media yang sedia ada atau reka sendiri), kebolehan pendidik. Ajelabi (2006) dan Olusando (2012) telah menyatakan lapan faktor yang mempengaruhi pemilihan media iaitu kenyataan objektif, kesesuaian, ketepatan kandungan, kebolehadaptasian, saiz kelas, ketersediaan media, kos, dan pengendalian fasiliti. Faktor yang perlu dipertimbangkan semasa pemilihan media pengajaran ialah pelajar (perwatakan pelajar), isi kandungan, dan ciri-ciri media (Smith dan Ragan, 1999).

Daripada faktor yang dikemukakan oleh penyelidik lain, dapatlah dirumuskan bahawa setiap model telah mengambil kira faktor latar belakang pelajar, kos, kemudahgunaan, objektof pembelajaran, kemahiran guru, serta sokongan lain. Faktor pemilihan perlu dipertimbangkan dengan teliti supaya dapat membuat keputusan pemilihan media pengajaran yang berkualiti.

### *Pemilihan Media dalam Reka Bentuk Pengajaran*

Reka bentuk pengajaran merupakan satu proses sistematik yang diaplikasikan untuk membangunkan program pendidikan dengan cara yang konsisten dan boleh dipercayai (Reiser & Dempsey, 2007). Menurut Siemens (2002) pula, reka bentuk pengajaran merupakan satu proses pembangunan sistematik yang mengintegrasikan teori pembelajaran dan pengajaran untuk memastikan kualiti pengajaran. Terdapat banyak model reka bentuk pengajaran yang dapat menjadi panduan dalam membangunkan sesuatu pengajaran yang sesuai dijalankan dalam konteks bilik darjah. Antaranya termasuklah ASSURE (2014), Dick & Carey Model (2009), Gerlach dan Ely (2002), dan *Gagné's Nine Steps of Instruction* (1987). Pemilihan media pengajaran telah dijadikan sebagai langkah sistematis serta wajib dalam model-model reka bentuk pengajaran bagi memastikan prosedur penyampaian mesej lebih efektif dan lancar.

## **PENYATAAN MASALAH**

KOMSAS merupakan akronim kepada komponen sastera yang diperkenalkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Menengah sejak tahun 2000. KOMSAS yang mengandungi pelbagai genre iaitu puisi moden, puisi tradisional, prosa moden, prosa tradisional, dan novel merupakan komponen wajib pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu dengan diperuntukkan dua waktu seminggu. Dalam pengajaran KOMSAS yang tinggi nilai estetika dan tahap pemikiran, guru Bahasa Melayu disarankan untuk mengintegrasikan pengaplikasian pelbagai media pengajaran untuk meningkatkan minat dan pemahaman pelajar terhadap KOMSAS.

Namun, menurut kajian Mahamod dan Noor (2011) serta Jamian, Othman dan Yusof (2011) telah mendapati bahawa pelajar mempunyai tanggapan negatif terhadap pembelajaran KOMSAS dan beranggapan KOMSAS sebagai satu bebanan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Selain itu, dapatan kajian itu juga mendapati bahawa pelajar yang kurang memahami nilai estetika dan pemikiran yang terkandung dalam teks sastera tidak bermotivasi untuk mempelajari KOMSAS yang tidak mendatangkan sebarang faedah kepada mereka. Kebanyakan kajian seperti Laungeng (2016), Razak (2013), Atakli (2012), dan Noor, Mahamod, Hamat, dan Embi (2012) cuma membuktikan keberkesanan kaedah pengajaran kreatif serta teknologi pengajaran dalam pengajaran KOMSAS. Kaedah pemilihan media pengajaran KOMSAS dari aspek jenis media pengajaran dan faktor pemilihan yang diamalkan oleh guru masih belum diterokai secara mendalam oleh para pengkaji. Penerokaan ini yang dilakukan terhadap guru pakar dipercayai mampu menjadi satu garis panduan dan teladan kepada guru-guru Bahasa Melayu untuk memilih media pengajaran yang sesuai dengan tahap pelajar dalam pengajaran KOMSAS.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

- i. Meneroka jenis media pengajaran yang dipilih oleh guru cemerlang Bahasa Melayu dalam pengajaran KOMSAS
- ii. Meneroka faktor pemilihan media pengajaran yang dipilih oleh guru cemerlang Bahasa Melayu dalam pengajaran KOMSAS

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif bagi meneroka kes ini secara mendalam (Yin, 2011; Creswell, 2011). Dua orang guru Bahasa Melayu yang sesuai, menepati syarat pemilihan sampel bertujuan (Miles & Huberman, 1994) telah dipilih sebagai peserta kajian ini. Kedua-dua peserta kajian telah mendapat pengiktirafan guru cemerlang Bahasa Melayu oleh Kementerian Pendidikan berdasarkan kriteria-kriteria yang ditentukan iaitu bermotivasi tinggi, mahir, berpengalaman, dan pakar dalam sesuatu bidang (KPM, 2016). Peserta kajian pertama yang kini berkhidmat di salah sebuah sekolah menengah di wilayah persekutuan Putrajaya mempunyai pengalaman mengajar Bahasa Melayu selama 36 tahun. Peserta kajian yang kini berkhidmat di salah satu sekolah di bawah daerah Petaling Perdana telah mempunyai pengalaman 34 tahun dalam bidang pengajaran Bahasa Melayu. Di samping itu, peserta-peserta kajian ini juga mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu bagi murid dari kelas berprestasi cemerlang dan juga murid dari kelas aliran galus. Pemilihan sampel guru cemerlang Bahasa Melayu yang sangat berpengalaman membolehkan pengkaji memperoleh data daripada kes senario terbaik (*best case scenario*). Nama samaran Cikgu Ali dan Cikgu Siti telah diberikan kepada kedua-dua peserta kajian bagi melindungi identiti peserta kajian.

Data kajian ini telah dikumpul melalui tiga sumber iaitu temu bual, pemerhatian, serta analisis dokumen bagi meningkatkan kebolehpercayaan kajian ini melalui cara triangulasi. Satu set protokol temu bual yang mengandungi enam soalan telah dirangka sebagai garis panduan kepada penyelidik dalam temu bual separa berstruktur. Temu bual dijalankan sebanyak tiga kali sehingga ketepuan data. Pemerhatian cara mengajar dan situasi pembelajaran sebenar telah dilakukan di dalam kelas bagi meningkatkan pemahaman penyelidik terhadap kaedah pemilihan media pengajaran KOMSAS yang sebenar. Penyelidik juga telah merujuk dan menganalisis bahan pengajaran serta hasil karya pelajar sebagai bahan sokongan terhadap segala pandangan yang diberikan oleh peserta kajian.

## DAPATAN KAJIAN

### *Jenis-jenis Media Pengajaran yang Dipilih oleh Guru Cemerlang Bahasa Melayu dalam Pengajaran KOMSAS*

Daripada hasil temu bual, didapati bahawa jenis media pengajaran KOMSAS yang dipilih oleh kedua-dua media pengajaran adalah berbeza bagi golongan atau aliran murid yang berbeza. Selain itu, guru tidak hanya bergantung pada satu media pengajaran, malah akan mengintegrasikan pelbagai media dalam sesi pengajaran KOMSAS bagi mencapai objektif pembelajaran yang telah ditetapkan. Jenis media yang dipilih telah dikategorikan berdasarkan jenis media pengajaran yang dinyatakan oleh Smaldino et al. (2014), Newby et al. (2011), dan Gardiner (2002).

#### *Media Pengajaran untuk Murid Tahap Rendah/Lemah*

Murid tahap rendah merujuk kepada murid yang lemah dalam pencapaian akademik. Golongan murid yang ditempatkan di kelas hujung ataupun aliran sastera dinamakan kumpulan galus. Menurut kedua-dua guru cemerlang, kumpulan galus lemah dari segi penguasaan bahasa, tahap pencapaian, dan kematangan. Oleh itu, jenis media pengajaran yang dipilih bagi kumpulan ini lebih mudah dan bersesuaian dengan tahap murid. Terdapat dua media pengajaran yang menjadi pilihan kedua-dua guru cemerlang iaitu bahan cetak dan manusia.

#### *Bahan Cetak*

Bahan cetak menjadi salah satu pilihan kepada kedua-dua guru cemerlang ini. Bahan cetak yang dimaksudkan ialah latihan serta nota yang dicetak dalam kertas untuk diedarkan kepada murid. Bagi murid lemah, guru cemerlang akan menyediakan bahan kepada murid sebagai bahan pengajaran KOMSAS. Hal ini dapat difahami melalui petikan temu bual berikut:

“ ...tapi kalau untuk golongan lemah, jika perlukan dia menulis, jadi bahan edaran kena ada, kertas edaran kena ada.” (Cikgu Ali, TB2/254-255)

“Cikgu buat Modul TILUS (Pasti Lulus) untuk pelajar lemah. Tulisan semua besar-besar, tidak padat. Banyak isi tempat kosong. Cari jawapan di sebelah soalan, tahap rendah sikit, tidak banyak soalan. Nanti mereka cepat bosan, pening.” (Cikgu Siti, TB3/20-24)

Nota dan latihan yang dicetak dalam bentuk kertas A4 menjadi pilihan pertama yang paling kerap digunakan dalam pengajaran KOMSAS. Kedua-dua orang cikgu menggunakan teknik yang sama iaitu mengisi tempat kosong dalam latihan yang dicetak. Soalan mengenai teks KOMSAS juga rendah tahap dan mudah difahami. Hal ini dapat dibuktikan melalui contoh bahan edaran yang disediakan guru.



Gambar 1 dan 2: Modul khas yang disediakan oleh Cikgu Siti. Modul ini disusun khas dari segi latihan, nota, dan saiz tulisan supaya sesuai dengan tahap murid lemah. Murid menjawab soalan berdasarkan panduan dan nota ringkas yang terdapat di sebelah soalan.

#### *Manusia*

Manusia juga dijadikan pilihan media pengajaran kepada kedua-dua guru cemerlang. Manusia dalam konteks ini merujuk kepada guru. Guru telah menjadi sumber utama kepada murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran KOMSAS. Guru yang berperanan sebagai media pengajaran akan menceritakan dan menjelaskan segala maklumat yang terkandung dalam teks KOMSAS kepada murid-murid.

“Pelajar lemah agak perlahan dari segi tahap motivasi dan pemahaman. Jadi kita bagi sahaja, suapkan sahaja, bersumberkan guru segalanya.” (Cikgu Ali, TB2/380-381)

“Cikgu ajar sastera novel ‘Tirani’, mereka tidak membaca. Tapi mereka dengar cikgu cerita segalanya.” (Cikgu Siti, TB1/418)

Berdasarkan petikan temu bual di atas, jelaslah bahawa guru menjadi sumber utama kepada murid untuk memahami kandungan KOMSAS. Pemerhatian yang dijalankan juga mendapati bahawa murid di kelas hujung agak pasif. Guru yang berperanan sebagai orang tengah antara teks KOMSAS dengan murid. Guru menceritakan perjalanan cerita dan menjelaskan ulasan kepada murid.

#### *Media Pengajaran untuk Murid Tahap Cemerlang*

Murid tahap tinggi merujuk kepada murid yang berprestasi tinggi dalam bidang akademik. Golongan murid ini mahir dari segi pencapaian bahasa dan mempunyai tahap pemikiran yang lebih matang. Kenyataan ini boleh dilihat dalam petikan temu bual berikut:

“Kalau pelajar kelas depan...matang, pandai berfikir. Saya boleh pilih macam-macam media untuk mengajar, mencabar pemikiran mereka.” (Cikgu Ali, TB2/205-206)

“Pelajar kelas depan, mereka lebih matang, bijak. Kita bagi apa-apa sahaja, mereka boleh terus dapat isinya. Yang penting, pelbagai jenis media. Kalau tidak, mereka cepat bosan, kerana tidak mencabar.” (Cikgu Siti, TB3/25-26)

Pemilihan media pengajaran KOMSAS adalah lebih banyak berbanding dengan pelajar kumpulan lemah. Terdapat lima kategori jenis media yang dapat dikategorikan melalui hasil temu bual, iaitu bahan cetak, manusia, aktiviti, dan bahan grafik.

#### *Bahan Cetak*

Kedua-dua guru cemerlang menggunakan bahan cetak sebagai media pengajaran KOMSAS. Bahan cetak yang mengandungi nota ringkas dan latihan berformat peperiksaan SPM disediakan oleh guru cemerlang kepada

murid untuk meningkatkan pemahaman pelajar. Bahan cetak juga dicetak dalam kertas A4 dan diedarkan kepada pelajar di dalam kelas. Penggunaan bahan cetak dapat ditunjukkan melalui petikan temu bual berikut:

“Selain *Power Point*, kadang-kadang kita dah siap nota dalam bentuk kertas A4, edarkan sahaja...latihan ada, nota ringas ada, soalan peperiksaan ada.” (Cikgu Ali, TB1/196-197)

“Cikgu suka buat modul. KOMSAS pun modul. Maksudnya cikgu ambil, mereka sudah habis belajar, sekarang untuk pastikan mereka masuk dewan peperiksaan.” (Cikgu Siti, TB1/121-122)

“Cikgu memang ada banyak modul. Cikgu akan kombinasikan soalan KOMSAS ikut format peperiksaan, SPM sebenar, percubaan, latihan buku-buku.” (Cikgu Siti, TB3/12-15)



Gambar 3: Modul yang diselenggara oleh Cikgu Siti untuk pengajaran KOMSAS



Gambar 4: Kamus yang disediakan semasa pengajaran KOMSAS bagi menyemak maksud kosa kata

Selain bahan edaran, Cikgu Siti juga berpendapat bahawa kamus berperanan penting dalam pembelajaran KOMSAS kepada seseorang murid. Murid perlu menyemak kamus untuk mencari maksud perkataan yang susah difahami khususnya perkataan klasik yang terkandung dalam kamus. Pendapat Cikgu Siti ditunjukkan dalam petikan berikut:

“Bagi cikgu, dalam sastera, kena guna kamus khususnya prosa klasik kerana bahasanya puitis dan klasik, susah difahami. Semasa mengajar dan belajar, kamus ada di sebelah pelajar. Pelajar boleh terus merujuk kamus jika tidak faham maksud kosa kata” (Cikgu Siti, TB1/276-278)

#### *Manusia*

Manusia menjadi salah satu pilihan media pengajaran KOMSAS kepada kedua-dua guru cemerlang Bahasa Melayu. Bagi pelajar cemerlang, guru sering menjadikan murid sebagai sumber pengajaran untuk berkongsi idea dan pembacaan kepada murid sekelas. Murid juga dipilih sebagai contoh untuk mendemonstrasikan pembacaan puisi atau menceritakan semula perjalanan cerita teks KOMSAS. Pengajaran guru berorientasikan murid, peranan guru hanya sebagai pemudah cara. Kedua-dua guru cemerlang mempunyai persamaan iaitu memberikan komen ke atas hasil kerja pelajar atau dalam sesi pembentangan bagi membimbing pelajar ke tahap pemahaman yang lebih tinggi. Penggunaan manusia sebagai media pengajaran boleh diketahui melalui petikan temu bual berikut:

“Murid sebagai media. Maksudnya, murid buat kerja, murid membaca teks, murid deklamasikan atau lakonkan, murid menyediakan bahannya, murid akan membuat pembentangan, lepas tu murid juga akan mengemukakan soalan....Macam saya pula, tidak perlu mengajar, murid yang akan mengajar. Cikgu sebagai fasilitator sahaja.” (Cikgu Ali, TB2/144-150)

“Cikgu tidak terangkan, dia yang terangkan. Semua maklumat...mereka yang buat....mereka akan terangkan apa yang faham, mereka lebih ingat dan tahu.” (Cikgu Siti, TB1/85-87)

Tahap pemahaman murid yang cemerlang membolehkan guru untuk menjadikannya sebagai media pengajaran bagi menyampaikan mesej KOMSAS. Penggunaan murid sebagai media pengajaran juga membolehkan pelajar untuk menerokai bidang KOMSAS dengan bimbingan guru. Penggunaan murid sebagai bahan biasanya akan digabungkan atau sesuai dengan aktiviti pengajaran yang dirancang oleh guru.

#### *Aktiviti*

Aktiviti pengajaran juga merupakan pilihan media pengajaran KOMSAS kepada kedua-dua guru cemerlang Bahasa Melayu. Kedua-dua guru cemerlang sering melakukan perbincangan kumpulan dalam sesi pengajaran


dan pembelajaran KOMSAS. Guru memberikan tugas seperti menceritakan perjalanan cerita dan mengulas teks KOMSAS kepada murid-murid di dalam kelas. Murid-murid berbincang tugas dalam bentuk kumpulan dan kemudian akan membentangkan hasil pembelajaran dalam kelas. Petikan temu bual berikut menunjukkan aktiviti perbincangan yang dijalankan oleh guru-guru cemerlang:

“...saya biasa jalankan aktiviti perbincangan kumpulan untuk mengulas teks novel, mencari persoalan, nilai, pengajaran, watak-perwatakan, latar, gaya bahasa. Selepas bincang, mereka hanya perlu isi dalam kad i-Think, kertas mahjong, Power Point, lepas tu bentang dalam kelas.” (Cikgu Ali, TB1/154-157)

“..aktiviti perbincangan yang selalu. Mereka boleh fahamkan teks sendiri dan bentang di depan. Bincang berdasarkan teks sastera. Cikgu bagi tajuk, topik, mereka bincang. Cari persoalan, plot, nilai, perwatakan. Tulis pada kertas sebak, lepas tu bentang. Mereka ke arah berfikir. Pembentangan, perbincangan dengan ahli kumpulan. Pembentangan akan saya ambil sebagai ujian lisan.” (Cikgu Siti, TB3/53-58)



Gambar 5: Hasil kerja pembentangan dalam slaid powerpoint oleh murid Cikgu Ali yang dibuat mengikut peta i-Think untuk menerangkan prosa klasik Burung Terbang Dipipiskan Lada. Murid yang telah membincangkan isi dan ulasan prosa ini akan membentangkan hasil perbincangan di dalam kelas.



Gambar 6 dan 7: Hasil perbincangan murid Cikgu Siti yang dibuat dalam bentuk peta minda serta kartun untuk dibentangkan dalam sesi pengajaran KOMSAS

Perbincangan kumpulan dipilih dan diaplikasikan oleh kedua-dua guru cemerlang untuk menjelaskan kandungan teks KOMSAS. Tahap pemahaman dan penguasaan bahasa yang tinggi membolehkan penggunaan media berjaya dan berkesan dalam sesi pengajaran. Namun, penggunaan aktiviti lain antara Cikgu Ali dan Cikgu Siti adalah berbeza. Cikgu Ali sering menjalankan aktiviti seperti pembelajaran atas talian, merakam video, dan lakonan dalam sesi pengajaran seperti yang ditunjukkan dalam petikan temu bual berikut:

“...dalam bulan 12 itu, kita buat tugas macam, dua hari buat satu. Masa cuti sekolah, kita menggunakan VLE Frog. Jadi, murid-murid akan menghantar tugas melalui VLE Frog. Jadi murid baca bab satu, tajuknya ‘Melontar Duka’, dia pilih satu peristiwa, selepas itu dia buat. Kemudian sudah habis, dia baca lagi bab dua. Sebab setiap murid memerlukan membaca setiap bab itu. Jadi, tugas dia ialah membuat ringkasan.” (Cikgu Ali, TB2/45-50)

“Hari tu saya buat lakonan tentang teks drama ‘Berkhidmat Untuk Negara’. Untuk yang betul-betul cemerlang, mereka pendiam, malu, matang. Untuk kumpulan sederhana atas, mereka memang sangat suka, sebab boleh berlakon di depan. Saya beritahu bahawa saya tidak ingin awak berlakon dalam skrip tu. Kamu berlakon ikut cara awak sendiri, janji perjalanan cerita sama, dialog bebas.” (Cikgu Siti, TB1/447-451)

Bab 1- Chai-Weng-Feng.docx	1/25/2016 11:03 PM	Microsoft Office ...	99 KB
Bab 2-(Fee Jia Hui).J.docx	1/25/2016 11:18 PM	Microsoft Office ...	25 KB
Bab 3 - .J.docx	1/25/2016 11:22 AM	Microsoft Office ...	30 KB
Bab 3-terkinii.docx	1/25/2016 11:07 PM	Microsoft Office ...	30 KB
Bab 4-Neevashini.docx	1/25/2016 11:16 PM	Microsoft Office ...	24 KB
Bab 5-JOEL PEMBENTANGAN.docx	1/25/2016 11:56 PM	Microsoft Office ...	20 KB
Bab 6-Afman.docx	1/27/2016 5:11 PM	Microsoft Office ...	21 KB
BAB 10 -Nurhaliza.doc	1/24/2016 4:07 PM	Microsoft Office ...	50 KB
Bab 12-Ezza Athirah .docx	1/25/2016 11:21 PM	Microsoft Office ...	29 KB
Bab 13-AIN IZZATI NOVEL.docx	1/24/2016 5:48 PM	Microsoft Office ...	32 KB
Bab 13-NUR AIN ZZATTI-terkinii -NEW..doc...	1/25/2016 11:47 PM	Microsoft Office ...	32 KB
Bab 14 - Chong Wan Xin,2.docx	1/25/2016 11:23 AM	Microsoft Office ...	29 KB
Bab 14 - Chong Wan Xin-terkinii.docx	1/25/2016 11:00 PM	Microsoft Office ...	31 KB
Bab 15 -Nurul-Izzati.docx	1/25/2016 2:07 PM	Microsoft Office ...	29 KB
bab 15 tirani pembentangan (2).docx	1/25/2016 11:36 PM	Microsoft Office ...	24 KB
Bab 17 -Lai Wei Joe.docx	1/24/2016 11:18 PM	Microsoft Office ...	30 KB
Bab 18 -Hasanah.doc	1/25/2016 10:52 AM	Microsoft Office ...	33 KB
Bab 21-Lan-suet-may.docx	1/25/2016 11:23 PM	Microsoft Office ...	18 KB
BAB 22 -NURSYAMIRA SULAIMAN.docx	1/25/2016 11:28 PM	Microsoft Office ...	24 KB
BAB 23 - NURUL AIN bahanru.docx	1/25/2016 11:39 PM	Microsoft Office ...	28 KB
BAB 23 - NURUL AIN.docx	1/24/2016 5:17 PM	Microsoft Office ...	30 KB
Bab 23-NAIBS.docx	1/25/2016 11:26 PM	Microsoft Office ...	139 KB
Bab 24 - SITI NUR ASIHAH-.docx	1/25/2016 11:25 AM	Microsoft Office ...	31 KB
Bab 24-SITI NUR ASIHAH-terkinii-.docx	1/25/2016 11:11 PM	Microsoft Office ...	34 KB
Bab 22 -NURSYAMIRA SULAIMAN.pptx	1/25/2016 11:28 PM	Microsoft Office P...	392 KB
Bab 1- Puang duak-Chai Wen Feng 5 Seti...	1/13/2016 8:46 PM	Microsoft Office P...	681 KB
Bab 2 -(Yee Jia Hui).J.pptx	1/25/2016 11:16 PM	Microsoft Office P...	3,116 KB
Bab 3 Syazwani_J-balik.pptx	1/25/2016 11:07 AM	Microsoft Office P...	1,199 KB
Bab 5-JOEL PEMBENTANGAN.pptx	1/26/2016 12:02 AM	Microsoft Office P...	551 KB
Bab 6-Afman.pptx	1/27/2016 5:14 PM	Microsoft Office P...	19,669 KB
BAB 7 -ASHA SHARMA_1.pptx	1/25/2016 11:15 AM	Microsoft Office P...	18,261 KB
Bab 8 -Hadiah Alami Shahirah-(34)-edite...	4/13/2016 9:09 PM	Microsoft Office P...	169 KB
Bab 9- Wajah Pesona-saranya.apptx	3/23/2016 12:50 PM	Microsoft Office P...	1,077 KB
Bab 10- Senyum sepuluh ela-Nurhaliza b...	4/13/2016 9:25 PM	Microsoft Office P...	1,419 KB
Bab 11-Keni-Khalilah-36.pptx	1/25/2016 11:52 PM	Microsoft Office P...	239 KB
BAB 12-Eza-Athirah-36.pptx	1/25/2016 11:22 PM	Microsoft Office P...	4,696 KB
Bab 13-NUR AIN ZZATTI.pptx	1/24/2016 5:41 PM	Microsoft Office P...	2,174 KB
Bab 13-NUR AIN IZZATI-terkinii NEW.pptx	1/25/2016 11:45 PM	Microsoft Office P...	2,172 KB
Bab 13-NUR AIN IZZATI-Terkinii-.pptx	1/25/2016 11:06 PM	Microsoft Office P...	2,172 KB
Bab 14 - Chong Wan Xin-38.pptx	1/24/2016 6:04 PM	Microsoft Office P...	4,164 KB
Bab 14 - Chong Wan Xin-terkinii.pptx	1/25/2016 10:59 PM	Microsoft Office P...	4,178 KB
Bab 15-Nurulizzati.pptx	2/20/2016 12:18 PM	Microsoft Office P...	4,004 KB
Bab 16-mimpin lain.pptx	1/26/2016 12:01 AM	Microsoft Office P...	116 KB
Bab 17-Lai Wei Joe-36.pptx	1/25/2016 2:18 PM	Microsoft Office P...	701 KB
Bab 18-Hazanah-Terkinii(3).pptx	1/25/2016 11:40 PM	Microsoft Office P...	9,675 KB
Bab 19-Bagaiman bongkah-33-Dante-Wo...	1/18/2016 11:20 PM	Microsoft Office P...	329 KB
Bab 20- Nafis-35.pptx	1/25/2016 11:24 PM	Microsoft Office P...	775 KB

Gambar 8 dan Gambar 9: Hasil kerja perbincangan murid-murid kelas Cikgu Ali yang telah disediakan dalam bentuk microsoft dan powerpoint.

#### Faktor Pemilihan Media Pengajaran KOMSAS

Dapatkan kajian bagi menjawab persoalan kajian yang kedua telah dikelompokkan kepada tujuh tema iaitu faktor masa, ketersediaan, kemahiran guru, tahap pelajar, sukatan pelajaran, dan kemudahan di sekolah. Faktor pemilihan media dipertimbangkan oleh kedua-dua peserta kajian untuk memastikan kualiti dan keberkesanan proses pengajaran seperti yang dinyatakan oleh Smaldino et al. (2014), Newby et al. (2011), dan Romiszowski(1988). Setelah perbandingan, kedua-dua guru cemerlang yang berpengalaman memilih media pengajaran berdasarkan faktor yang sama.

#### Faktor Masa

Faktor masa dipertimbangkan oleh kedua-dua guru cemerlang dalam pemilihan media pengajaran. Masa yang dimaksudkan ialah jumlah waktu pembelajaran dan pengajaran KOMSAS serta masa lapang yang dimiliki oleh guru. Pandangan Cikgu Ali dan Cikgu Siti terhadap faktor masa adalah seperti berikut:

“Guru dibebankan dengan pelbagai tanggungjawab. Untuk membina media baharu, kena pertimbangkan masanya. Biasanya hujung tahun, masa yang sesuai untuk membina modul atau media baharu. Setelah membina, waktu PdP dalam kelas juga dipertimbangkan.” (Cikgu Ali, TB2/441-459)

“Cikgu memang nak pelbagaikan media dalam pengajaran KOMSAS...tapi tak ada masa kerana perlu menguruskan banyak urusan sekolah dan JPN. Hanya pilih apa yang termampu. Tengok masa dalam kelas panjang, pendek. Anjal atau tidak. Kalau dah dekat dengan peperiksaan, memang khusus untuk ulang kaji” (Cikgu Siti, TB1/225-233)

Menurut pemerhatian yang dijalankan pada bulan September, satu lagi perkara menarik yang didapati ialah kedua-dua guru cemerlang hanya menggunakan bahan cetak dalam bentuk latihan peperiksaan dalam sesi pengajaran KOMSAS. Setelah merujuk dan bertanya secara informal tentang sebabnya, kedua-dua guru cemerlang membalias dengan jawapan yang sama iaitu kerana sudah dekat dengan peperiksaan. Faktor masa juga menjadi salah satu faktor yang dinyatakan oleh Romiszowski (1988) iaitu tempoh masa pengajaran dan tempoh persediaan. Jadi, dapatlah dirumuskan di sini, musim peperiksaan juga menjadi faktor yang mempengaruhi pemilihan media pengajaran KOMSAS kerana kesemua kandungan KOMSAS telah habis diajar oleh guru. Guru hanya memilih latihan berformat SPM sebagai media pengajaran KOMSAS untuk menajamkan teknik menjawab murid dalam peperiksaan.

#### Faktor Ketersediaan

Faktor ketersediaan menjadi salah satu faktor pemilihan media pengajaran KOMSAS. Menurut faktor pemilihan media pengajaran yang dibincangkan oleh Kemp et al. (1994), Abimbade (1997), Ajelabi (2006), dan Olusando (2012), ketersediaan merujuk kepada sama ada bahan pengajaran tersebut telah sedia ada ataupun perlu dibina sendiri. Kedua-dua guru cemerlang berpandangan bahawa mereka akan memilih yang telah sedia ada di pasaran, internet ataupun pernah digunakan sebelum ini. Sekiranya masih belum ada di pasaran, mereka akan membina sendiri atau mengubah suai sumber sedia ada dalam internet supaya lebih sesuai dengan tahap pelajar dan objektif pembelajaran.

Menurut media pengajaran yang ditunjukkan oleh guru-guru cemerlang, Cikgu Ali lebih berminat untuk menyimpan hasil kerja yang berkualiti sebagai contoh kepada murid lain pada masa yang sama digunakan sebagai bahan pengajaran untuk kelas lain. Cikgu Siti pula sering mengumpul soalan peperiksaan sebenar serta

latihan dari pasaran untuk dijadikan modul. Dari segi bahan cetak seperti latihan dan lembaran kerja, kedua-dua guru lebih cenderung memilih bahan yang sedia ada di pasaran.

Sekiranya membina media pengajaran KOMSAS yang baru, Cikgu Ali dan Cikgu Siti akan menyimpan segalanya dalam bentuk fail supaya senang dirujuk. Kaedah ini memudahkan guru untuk menggunakan balik pada masa akan datang. Penggunaan bahan tersebut hanya boleh dalam tempoh lima tahun kerana teks KOMSAS akan ditukar setiap lima tahun. Ertinya, guru akan membina bahan pengajaran khususnya bahan cetak yang baharu setiap kali teks KOMSAS telah ditukar oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

#### *Faktor Kemahiran Guru*

Kemahiran yang dimiliki oleh seseorang guru mempengaruhi keputusan pemilihan media pengajaran KOMSAS. Kemahiran yang dimaksudkan merangkumi pelbagai aspek iaitu kemahiran pedagogi, kreativiti, dan teknologi maklumat. Cikgu Ali dan Cikgu Siti yang mengaku diri mereka lemah dalam bidang teknologi maklumat jarang menggunakan bahan pengajaran KOMSAS yang canggih dalam sesi pengajaran KOMSAS, seperti yang dikongsikan oleh mereka dalam petikan temu bual berikut:

“...penguasaan IT saya terhad. Balik-balik bahan yang sama. Saya guna slaid power Point, latihan, i-Think yang biasa-biasa sahaja. Saya melihat kandungan pelajaran sahaja, saya sudah boleh bayangkan media yang ingin dibina atau dipilih, sebab dah lama dalam bidang ini” (Cikgu Ali, TB1/438 – 443)

“...cikgu guna media cetak biasa sahaja, tidak canggih-canggih, tidak celik IT. Segala kemahiran ada dalam otak, saya buat atau pilih bahan sekejap dah siap ” (Cikgu Siti, TB1/509-512)

Kedua-dua cemerlang hanya memilih media pengajaran KOMSAS yang tidak banyak melibatkan prosedur penggunaan komputer yang rumit kerana penguasaan teknologi maklumat yang rendah. Namun, kedua-dua mempunyai kemahiran kreativiti yang tinggi dalam bidang membina media pengajaran. Mereka yang sangat berpengalaman dalam bidang pengajaran KOMSAS dapat membina media pengajaran KOMSAS yang berkesan.

Pengalaman yang dikumpul oleh kedua-dua orang guru cemerlang ini menjadi pencetus kreativiti dalam diri mereka. Daripada perkongsian mereka dan analisis dokumen, penyelidik dapat mendapati kedua-dua guru cemerlang ini jelas dengan keperluan murid dan standard media pengajaran KOMSAS yang berkualiti. Mereka mengaplikasikan kemahiran yang sekian lama ditimba daripada pengalaman dalam memilih media pengajaran KOMSAS. Faktor kemahiran guru dari segi pedagogi, kemahiran teknologi maklumat, dan kreativiti juga sama seperti yang dijelaskan oleh para penyelidik iaitu Abimbade (1997), Ajelabi (2006), dan Olusando (2012) dalam faktor kebolehan pendidik.

#### *Faktor Tahap Pelajar*

Pelajar yang berlainan tahap juga mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh kedua-dua orang cikgu cemerlang tersebut. Media pengajaran KOMSAS yang dipilih untuk pelajar cemerlang adalah berbeza dengan pelajar lemah.

Pelajar cemerlang mempunyai tahap penguasaan bahasa dan pemikiran yang lebih tinggi, malah pelajar lemah berhadapan dengan masalah pemahaman serta kemahiran membaca. Seperti yang diperincikan dalam dapatan kajian pertama, media pengajaran KOMSAS yang dipilih untuk golongan cemerlang adalah untuk meningkatkan tahap kematangan, kemahiran berfikir dan minat pelajar cemerlang ke tahap yang lebih tinggi. Pemilihan media pengajaran KOMSAS bagi pelajar lemah hanya untuk meningkatkan pemahaman asas mereka terhadap KOMSAS.

Faktor tahap pelajar yang didapati dalam kajian ini berkait rapat atau sama dengan faktor gaya pelajar yang dinyatakan oleh Abimbade (1997) iaitu faktor gaya pembelajaran pelajar dan Ajelabi (2006) serta Olusando (2012) dalam faktor kebolehadaptasian pelajar. Tahap pelajar dari segi penguasaan, latar belakang, penerimaan, dan kemahiran harus dikenal pasti sebelum memilih media pengajaran untuk memastikan keberkesanan media pengajaran yang dipilih.

#### *Objektif Pembelajaran*

Objektif pembelajaran juga berperanan dalam menentukan jenis media yang dipilih oleh kedua-dua guru cemerlang. Objektif pembelajaran adalah berbeza mengikut kandungan dan tahap pelajar. Menurut Cikgu Ali

dan Cikgu Siti, lazimnya objektif pembelajaran bagi murid berprestasi tinggi adalah untuk meningkatkan minat dan meningkatkan kemahiran berfikir terhadap kandungan KOMSAS. Objektif pembelajaran bagi murid lemah pula adalah untuk meningkatkan pemahaman dan konsep asas terhadap KOMSAS. Hujahan tersebut jelas dipaparkan dalam petikan temu bual berikut:

“Cuma KOMSAS ini...kita pilih media sesuai berdasarkan objektif. Kita ingin menarik perhatian, kita hendak menarik minat, itu tujuan media.” (Cikgu Ali, TB1/334-335)

“Di kelas depan, kita gunakan media itu supaya dia boleh mengemukakan lagi banyak maklumat tepat. Tetapi budak yang lemah ni, kita gunakan media untuk mengawal keaktifannya, pergerakkan, hanya ajar mereka yang paling asas sahaja.” (Cikgu Ali, TB2/291-294)

“Menilai dahulu, pilih modul, buat modul, tengok dulu objektif. Kalau nak sasarkan pelajar faham, menguasai, boleh skor, modul lah sesuai. Kalau nak pastikan pemahaman asas budak, modul itu perlu rendah. Bermula dari asas.” (Cikgu Siti, TB3/42-44)

Daripada petikan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa sebelum memilih media pengajaran, Cikgu Ali dan Cikgu Siti juga mempertimbangkan objektif pembelajaran yang ingin dicapai dalam sesi pengajaran KOMSAS. Faktor objektif pembelajaran berperanan penting dalam pemilihan media yang berimpak tinggi dan bersesuaian dengan kandungan pengajaran seperti yang dibincangkan oleh Romiszowski(1988), Kemp et al. (1994), Abimbade (1997), Ajelabi (2006), dan Olusando (2012).

#### *Kaedah Pengajaran*

Cikgu Ali dan Cikgu Siti memilih media pengajaran KOMSAS berdasarkan kaedah pengajaran yang digunakan dalam pengajaran KOMSAS. Daripada analisis temu bual dan pemerhatian secara keseluruhan, didapati bahawa kaedah pengajaran KOMSAS adalah berbeza bagi pelajar yang berlainan tahap. Bagi pelajar cemerlang, kedua-dua guru cemerlang menggunakan kaedah berpusatkan murid kerana tahap kematangan, pemahaman, serta penguasaan bahasa yang tinggi. Cikgu Ali dan Cikgu Siti memilih media pengajaran KOMSAS yang sesuai seperti bahan cetak, aktiviti pengajaran, manusia, dan bahan grafik atas kaedah ini. Kaedah ini memerlukan penglibatan pelajar dan kerjasama pelajar yang tinggi. Oleh itu, Cikgu Ali dan Cikgu Siti memilih media pengajaran KOMSAS berdasarkan kaedah berpusatkan murid ini supaya dapat memberikan ruangan kepada murid cemerlang untuk mengemukakan idea serta menajamkan pemikiran mereka terhadap KOMSAS.

Kaedah pengajaran bagi murid lemah adalah berbeza, iaitu kaedah berpusatkan guru. Tahap pemahaman dan penguasaan bahasa pelajar lemah yang rendah menyebabkan guru berperanan sebagai sumber utama yang sesi pengajaran dan pembelajaran KOMSAS. Cikgu Ali dan Cikgu Siti memilih kertas edaran, latihan, dan modul yang sesuai dengan tahap murid untuk menjelaskan kandungan KOMSAS kepada murid. Aktiviti atau bahan berdasarkan teknologi maklumat serta komunikasi (TMK) adalah kurang sesuai dengan kaedah ini kerana tahap pemikiran murid yang agak rendah. Cikgu Ali dan Cikgu Siti sering mengaplikasikan teknik soal jawab ke atas pelajar berdasarkan latihan bagi membimbing murid.

Faktor ini jelas memperlihatkan faktor pemilihan yang telah dijelaskan oleh pengkaji Ajelabi (2006), dan Olusando (2012) dalam faktor kaedah pengendalian pengajaran. Media pengajaran harus disesuaikan dan selaras dengan langkah pengajaran sistematik yang dirancang untuk memastikan objektif pengajaran sentiasa tercapai dan jelas dikuasai oleh semua pelajar.

### **PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

Sebagai rumusannya, media pengajaran KOMSAS yang dipilih oleh kedua-dua guru cemerlang Bahasa Melayu adalah pelbagai dan berbeza berdasarkan tahap pelajar. Guru cemerlang tersebut juga mempertimbangkan faktor tahap pelajar, objektif pembelajaran, masa, ketersediaan, kemahiran guru, dan kaedah pengajaran guru sebelum membuat pemilihan media pengajaran KOMSAS yang sesuai. Daripada amalan dan pendapat peserta kajian, dapatlah diketahui bahawa media pengajaran yang dipilih majoritinya bukan berunsurkan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), pengaplikasian teori serta kaedah pemilihan media pengajaran masih dapat menepati tahap dan keperluan pelajar khususnya yang berprestasi rendah. Dapatan kajian ini hanya menunjukkan asas pengajaran KOMSAS yang diperlakukan oleh guru cemerlang Bahasa Melayu. Guru-guru lain khususnya guru muda yang kekurangan pengalaman boleh menjadikan dapatan ini sebagai panduan pengajaran dalam kelas. Namun begitu, untuk memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran KOMSAS tercapai, guru Bahasa Melayu perlu memilih media pengajaran yang sesuai dengan tahap pemahaman dan pencapaian akademik murid supaya dapat merancang serta melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif. Media pengajaran yang berperanan sebagai medium antara guru dan pelajar perlu dipilih secara sistematis dan teliti supaya dapat meningkatkan minat serta motivasi murid

terhadap isi kandungan yang dicurahkan. Kajian mengenai perbezaan impak antara penggunaan media pengajaran berunsurkan TMK dengan media pengajaran konvensional boleh dijalankan bagi memberikan satu panduan kepada guru dalam pemilihan media pengajaran. Bukan itu sahaja, yang lebih penting ialah guru boleh mengintegrasikan serta pengaplikasikan pelbagai teori pembelajaran dan media pengajaran dalam amalan pengajaran abad ke-21 bagi mengoptimumkan pencapaian murid tanpa mengira perbezaan aras kognitif mereka.

## RUJUKAN

- Abimbade, A. (1997). *Principle and Practice of Educational Technology*. Ibadan International Publishers Ltd.
- Ajelabi, A. (2006). *Essentials of Educational Technology*. Lagos: Raytel Communications Ltd.
- Alzaghouli, A. F. (2013). *The Implication of the Learning Theories on Implementing e-Learning Courses. The Research Bulletin of Jordan ACM*, 2(2), 27–30.
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative Inquiry and Research Design (3rd ed)*. London: Sage Publication Inc.
- Creswell, J.W. (2013). *Qualitative Inquiry and Research Design (3rd ed)*. London: Sage Publication Inc.
- Dale, E. (1969). *Audiovisual Methods in Teaching*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Dick, W., Carey, L., & Carey, J. (2009). *The Systematic Design of Instruction (7th ed.)*. Boston, MA: Pearson A&B.
- Florida State University. (2014). *Instructional Media: Chalkboards to Video*. Didapatkan daripada:  
[https://distance.fsu.edu/docs/instruction\\_at\\_fsu/Chptr9.pdf](https://distance.fsu.edu/docs/instruction_at_fsu/Chptr9.pdf)
- Gagne, R. (1987). *Instructional Technology Foundations*. Hillsdale, New Jersey: Lawrence Erlbaum Association.
- Gardiner, W. L. (2002). *History of media*. New York: Trafford Publishing.
- Gerlach & Ely Deisgn Model. (2012). Gerlach & Ely Teaching Media: A Systematic Approach. Didapatkan daripada [http://www.umich.edu/~ed626/Gerlach\\_Ely/ge\\_main.html](http://www.umich.edu/~ed626/Gerlach_Ely/ge_main.html).
- Jamian, A.R., Othman, S., & Yusof, N.M. (2011). *Keberkesanan Cerpen dalam Mempertingkat Prestasi Penulisan Karangan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(2), 45-57.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Definisi Guru Cemerlang*. Diperoleh daripada  
<http://www.moe.gov.my/my/definisi-guru-cemerlang>
- Kemp, J.E., Morrison, G.R., & Ross, S.M. (1994). *Designing effective instruction*. New York: Macmillan.
- Laungeng, S.H. (2016). *Strategi Peta Konsep dan Strategi Tradisional terhadap Pencapaian KOMSAS dalam Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan 4*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(1), 30-37.
- Mahamod, Z. & Noor, N. A. M. (2011). *Persepsi Guru tentang Penggunaan Aplikasi Multimedia dalam Pengajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu*. *GEMA Online Journal Language Studies*, 11(3), 163-177.
- Maslow, A. H. (1943). *A Theory of Human Motivation*. *Psychological Review*, 50(4), 370-96.
- Maslow, A. H. (1954). *Motivation and personality*. New York: Harper and Row.
- Miles, M. & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative Data Analysis: An Expanded Sourcebook*. 2nd ed., Thousand Oaks, CA: Sage
- Naz, A. A. dan Akbar, R. A. (2008). Use of Media for Effective Instruction its Importance: Some Consideration. *Journal of Elementary Education*. 18 (1-2). 35-40.
- Newby, T., Stepich, D., Lehman, J., & Russell, J. (2011). *Instructional Technology for Teaching and Learning: Designing Instruction, Integrating Computers, and Using Media (4<sup>th</sup> ed.)*. Columbus: Prentice Hall.
- Noor, N. A. M., Mahamod, Z., Hamat, A., & Embi, M. A. (2012). *Persepsi Pelajar Terhadap Aplikasi Perisian Multimedia dalam Pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu Tingkatan 1*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 1-16.
- Olusango, M.O. (2012). AN Investigation of Media Selection Parameter for Teaching and Learning of Introductory Technology in Junior Secondary Schools. *Journal of Education and Practice*. 3(16). 21-28.
- Razak, R. A. (2013). *Pembelajaran Berasaskan Penghasilan Penceritaan Digital Multimedia Bagi Menganalisis Novel Bahasa Melayu*. *Jurnal pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia*, 38 (1), 53-64.
- Razak, R. A. (2013). *Strategi Pembelajaran Aktif Secara Kolaboratif Atas Talian dalam Analisis Novel Bahasa Melayu*. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 1(3), 34-46.
- Reiser, R.A., Dempsey, J.V. (2007). *Trends and Issues in Instructional Design* (2nd ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education, Inc.
- Romiszowski, A.J. (1988). *The Selection and Use of Instructional Media: For improved classroom teaching and for interactive, individualized instruction (2nd Edition)*. New York: Kogan Page, Nichols Publishing.
- Smaldino, S. E., Lowther, D. L., Russell, J. D. & Mims C., (2014). *Instructional Technology and Media for Learning (11th Edition)*. Englewood Cliffs: Pearson College Publisher.
- Smith, P. L., & Ragan, T. J. (1999). *Instructional Design, 2nd ed.* New York: John Wiley & Sons.
- Strauss, J. & Frost R.D. (1999). *Instructional Technology Selection*. Didapatkan daripada  
<http://www.coba.unr.edu/faculty/jstrauss/merpaper.html>.
- Woolfolk, A.E., Winnie, P.H., & Perry, N.E. (2006). *Educational Psychology*. Toronto: Pearson
- Yin, R.K. (2011). *Qualitative Research from Start to Final*. New York: The Guilford Press.